

3)  
SOALAN NO: 111

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**RUJUKAN : BL4 [PR-1361-T01810]**

**SOALAN :**

Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kedudukan pendatang asing yang telah membuka kedai runcit dan restoran sekitar Bandaraya Kuala Lumpur terutama dalam Parlimen Bukit Bintang, bagaimanakah DBKL boleh melesenkan perniagaan mereka dan tindakan penguatkuasaan yang diambil setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak membenarkan penyertaan warganegara asing terlibat dalam aktiviti penjajaan dan perniagaan kecil seperti gerai tepi jalan, pasar malam dan pasar. Tiada sebarang lesen penjaja dikeluarkan kepada warganegara asing di Kuala Lumpur pada masa ini.

Namun begitu, DBKL masih membenarkan penglibatan warganegara asing dalam aktiviti perniagaan di dalam premis perniagaan dengan syarat-syarat dan peraturan tertentu yang ditetapkan oleh DBKL. Ini selaras dengan dasar pelaburan dan perniagaan secara terbuka yang diamalkan oleh negara pada masa ini.

Bagi mengawal penglibatan warganegara asing secara bebas dan mengelakkan lambakan premis perniagaan di Kuala Lumpur dimonopoli oleh warganegara asing dalam perniagaan peruncitan dan perdagangan, maka DBKL telah menyediakan satu Garis Panduan Permohonan Lesen Premis Perniagaan Oleh Warganegara Asing.

Garis panduan ini menetapkan jenis aktiviti perniagaan, lokasi, jumlah modal dan syarat-syarat tambahan yang lain termasuk 50% pekerja premis adalah warga tempatan.

Pada masa ini, sebanyak 23 aktiviti perniagaan dan 7 lokasi premis perniagaan tidak dibenarkan warganegara asing memohon lesen premis.

Di samping itu, DBKL dengan kerjasama jabatan/agensi yang lain khususnya Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa memantau penglibatan warganegara asing ini melalui tindakan operasi bersepadu. Tindakan penguatkuasaan diambil ke atas warganegara asing yang melanggar peraturan pihak DBKL termasuklah menyita barang aktiviti penjajaan mereka manakala pihak JIM mengambil tindakan berkaitan peraturan-peraturan imigresen.